



'1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Ruj.Kami: J.Pel.Pk (HEM) 5128/5/7 Jld.5 (27)

Tarikh: 6 Rabiulakhir 1438 H
5 Januari 2017

Semua
Pegawai Pendidikan Daerah
Pengetua / Guru Besar
Negeri Perak

Tuan,

PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR-MENTEE DI SEKOLAH

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat dari Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan), KP (BPSH-SPKD)201/005/02 Jld. 4 (42) bertarikh 18 Februari 2013, adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa melalui **Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 3 Tahun 2013**, berkaitan dengan **Panduan Pelaksanaan Program Mentor-Mentee Di Sekolah**, program ini adalah untuk memperkukuhkan Amalan Guru Penyayang. Modul-modul memberi penekanan kepada pengukuhan sifat kepedulian (concern) guru terhadap muridnya dengan cara mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, perihatin dan sabar.

3. Sehubungan dengan itu, semua **Pengetua** dan **Guru Besar** diperingatkan untuk memanfaatkan sepenuhnya panduan dan modul semasa Program Mentor-Mentee dijalankan di sekolah.


4. **Jabatan Pendidikan Negeri Perak** bersama-sama **Pejabat Pendidikan Daerah** akan menjalankan pemantauan berterusan sepanjang tahun untuk memastikan pelaksanaan program tersebut di sekolah-sekolah.

Kerjasama dan sokongan tuan amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian.


'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(**HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, AMP.)**
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

SPK / ubk / mior





KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR MENTEE

1.0 PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Program mentor mentee merupakan satu proses interaksi antara guru dan murid melibatkan tindakan seperti membimbing, menyokong dan memberi nasihat. Mentor bukan sahaja menitikberatkan individu (mentee) dan perhubungan psikologi menteenya, tetapi juga membimbing, memberi penghargaan, kasih sayang dan mengasah kemahiran-kemahiran lain seperti membuat keputusan, menghadapi masalah atau mengatasi tekanan dan berusaha membimbing menteenya menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan negara.

2.0 KONSEP

Membangun Sahsiah Diri Murid Melalui Budaya Amalan Penyayang.

3.0 RASIONAL

- 3.1 Setiap murid mempunyai kebolehan membangun potensi diri bagi meningkatkan pencapaian sahsiah diri melalui bimbingan dan panduan daripada mentor.
- 3.2 Murid masa kini terdedah dengan pelbagai cabaran dalam memenuhi tuntutan remaja yang sudah pasti amat memerlukan sokongan, bimbingan, panduan dan perhatian bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan dengan lebih optimis dan menyeronokkan.

